- c. Agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah berdasarkan agenda yang dicadangkan seperti yang digariskan di dalam Sistem Pengurusan Sekolah .
- d. Semua perkara yang telah dibincangkan dan diputuskan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum mestilah dimaklumkan dan dibincangkan pelaksanaannya di dalam mesyuarat panitia dan maklum balas yang sewajarnya mestilah disampaikan kepada setiausaha Jawatankuasa .
- e. Jawatankuasa mestilah sentiasa membuat pemantauan dan penilaian impak terhadap pelaksanaan kurikulum di dalam semua mata pelajaran berserta Ketua Panitia dipertanggungjawabkan sepenuhnya .
- f. Pengurusan kurikulum adalah salah satu daripada lapan (8) elemen National Key Result Area (NKRA) atau Bidang Keberhasilan Utama Negara bagi keberkesanan pengurusan sekolah . Sehubungan itu setiap guru mestilah menyediakan Borang Keberhasilan iaitu perlu merangka aktiviti/projek, KPI dan sasaran kerja di awal tahun.

4.2 Jawatankuasa Kurikulum melibatkan personel berikut:

Pengerusi	: Guru Besar
Naib Pengerusi I	: PK Pentadbiran
Naib Pengerusi II	: PK HEM
Naib Pengerusi III	: PK Kokurikulum
Setiausaha	: SU Kurikulum
AJK	: Semua Ketua Panitia
	Guru Perpustakaan dan Media
	SU Peperiksaan
	SU PBS
	Penyelaras Jadual Waktu
	Guru Bimbingan dan Kaunseling
	Penyelaras Pemulihan
	Penyelaras PAK21
	Penyelaras ICT/Google Classroom/IDME
	Guru kelas

4.3 Agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat kurikulum

4.3.1 Agenda yang perlu dibincangkan dalam mesyuarat kurikulum melibatkan perkara-

perkara yang berikut berdasarkan format mesyuarat yang dikeluarkan oleh Unit Penjaminan Kualiti JPNN dan PKPA Bil.2/1991:

- a. Perutusan Pengerusi
- b. Pengesahan minit mesyuarat
- c. Perkara berbangkit
- d. Perkara-perkara baharu:
 - i. Pembelajaran dan pengajaran:
 - Kaedah PdP
 - DSKP, HSP, RPT dan PPPM (PBS)
 - Pencerapan
 - Semakan buku latihan
 - ii. Penilaian , Peperiksaan dan Pentaksiran, SEGAK,BMI
 - Analisis Peperiksaan UASA, PBD dan peperiksaan dalaman
 - Post Mortem Peperiksaan UASA, PBD, SEGAK, BMI
 - iii. Headcount
 - iv. Belanjawan
 - v. Perancangan program, projek dan aktiviti kurikulum
 - vi. Dapatan dan Laporan Dialog prestasi
 - vii. Dasar-dasar KPM cth: PPPM, NILAM, MBMMBI - wajib dijalankan

4.3.2 Semua agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa kurikulum hendaklah dibincangkan semula dalam mesyuarat panitia.

5.0 PENGURUSAN PANITIA MATA PELAJARAN

5.1 Penyataan Ketetapan

- a. Pengurusan panitia mata-mata pelajaran mestilah mematuhi Surat Pekeliling Iktisas Bil.2 2023.
- b.** Pengurusan Panitia mata-mata pelajaran juga mestilah mematuhi Sistem Pengurusan Kualiti SPK ISO MS 9001/2008.
- c. Kejayaan murid dalam mata-mata pelajaran, prestasi pbd , motivasi dan bakat adalah berkait rapat dengan keberkesanan pengajaran guru di dalam kelas. Oleh itu panitia mata-mata pelajaran hendaklah berfungsi dan digunakan dengan optimum untuk saling bekerjasama, saling membantu , berkongsi fikiran, pengalaman dan kepakaran untuk memperbaiki kecekapan dan kekesan pengajaran.
- d. Semua perancangan dan tindakan panitia mestilah sentiasa merujuk kepada TOV dan ETR dalam pengurusan prestasi mata pelajaran dalam panitia

- e. Semua Panitia mata pelajaran mestilah berusaha mendapatkan dan mengamalkan strategi mengajar yang inovatif dan boleh mendorong serta menggerakkan kecenderongan para pelajar terhadap pembelajaran.
- f. Pengurusan panitia secara *on line* atau *web based*/*1bestarinet* mestilah menjadi keutamaan dan oleh itu laman web panitia mestilah dibangunkan dan sentiasa dikemas kini supaya guru dan murid boleh sentiasa merujuk .
- g. Semua mesyuarat panitia akan dijalankan dalam tempoh dua minggu selepas mesyuarat kurikulum dan mesyuarat panitia ini mestilah dihadiri oleh pentadbir. Satu salinan minit mesyuarat panitia hendaklah disampaikan kepada Guru Besar melalui SU Kurikulum.
- h. Setiausaha panitia hendaklah menyelenggara fail tegak (folder) panitia dan semua minit atau laporan mesyuarat, surat menyurat dan rekod-rekod yang berkaitan dengan diselia oleh ketua panitia.
- i. Ketua Panitia bertanggung jawab memantau Fail Induk di pejabat sekolah.
- j. Ketua Panitia bertanggungjawab memastikan pengurusan Bantuan Per Kapita (PCG) panitia diurus dengan berkesan dan sentiasa mengutamakan pembelian bahan bantu mengajar (BBM) untuk aktiviti pembelajaran pelajar supaya tidak berlaku audit berteguran.
- k. Panitia yang mempunyai ahli kurang daripada 3 tidak perlu mengadakan mesyuarat panitia tetapi ahlinya wajib menghadiri mesyuarat panitia mengikut bidang masing-masing seperti yang ditetapkan oleh Ketua Panitia dan kehadiran mereka serta perkara yang dibincangkan mengenai panitia mereka perlu diminitkan bersama-sama dengan minit mesyuarat yang telah dihidirinya.

l.

A. PERANAN KETUA PANITIA

1. Menyenaraikan penyedia soalan bagi setiap ujian dan peperiksaan untuk sepanjang tahun. Satu Salinan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Peperiksaan Dalam.
2. Sebarang perubahan penyedia soalan hendaklah dimaklumkan kepada Setiausaha Peperiksaan.
3. Laporkan kepada Setiausaha Peperiksaan sekiranya terdapat guru yang tidak menyiapkan soalan mengikut tarikh yang ditetapkan.
4. Menyerahkan bungkusan jawapan kepada guru yang cuti bersalin/sakit berpanjangan untuk disemak (atas budi bicara pentadbir sekolah).
5. Mengagihkan jadual spesifikasi ujian (JSU) kepada penyedia soalan.
6. Memastikan guru penyedia soalan menghantar JSU bersama-sama soalan untuk disemak dan menyimpan JSU tersebut di dalam fail panitia. Satu Salinan hendaklah dihantar kepada Setiausaha Peperiksaan.
7. Menyemak kertas soalan dari aspek ejaan, format soalan, kandungan soalan menepati HSP dan tempoh masa yang betul.
8. Menyelia Pentaksiran Bilik Darjah yang dilaksanakan oleh guru.
9. Menghantar kertas soalan yang telah disemak dan disahkan kepada Penolong Kanan Pentadbiran.

SENARAI KANDUNGAN FAIL PANITIA MATA PELAJARAN

PANITIA:

*Bil	Jenis Fail	Perkara	Kandungan Fail
1.	Fail Putih/ Fail Terbuka (AM 435-Pin.1/80)	Fail Transaksi (Ditulis nama Panitia Mata Pelajaran) <u>Contoh:</u> No Fail: 600-4/1/2 Panitia Bahasa Melayu <taip nama sekolah>	i) Surat-surat perhubungan luar/ dalaman ii) Surat-surat lampiran iii) Surat Panggilan Mesyuarat
2.	Fail Kulit Keras/ Docket <u>Catatan:</u> Kandungan fail mengandungi dokumen-dokumen sokongan yang boleh disimpan dalam fail keras yang sama dengan menggunakan pembahagi (<i>separator</i>)	2.1 Mesyuarat Panitia	i) Minit Mesyuarat Panitia ii) Kedatangan Mesyuarat
		2.2 Sukatan Pelajaran	i) Sukatan Pelajaran ii) Huraian Sukatan Pelajaran iii) Rancangan Pelajaran Tahunan iv) Senarai Bahan Bantu Pengajar dan Kedudukannya v) Senarai buku teks dan rujukan
		2.3 Program Kecemerlangan	i) Perancangan Strategik (Pelan strategik, Pelan Taktikal & Pelan Operasi) ii) Laporan-laporan program iii) Program Perkembangan Staf iv) Kajian Tindakan
		2.4 Peperiksaan	i) Jadual Peperiksaan ii) Jadual Penyedia Soalan iii) Analisis Peperiksaan Sekolah dan Peperiksaan Awam iv) Analisis Headcount (TOV, OTR, ETR) v) Post-mortem/ Audit akademik
		2.5 Penyeliaan/ Pencerapan	i) Jadual Penyeliaan ii) Borang Penyeliaan
		2.6 Penyemakan buku latihan murid	i) Jadual semakan ii) Borang penyemakan
		2.7 Koleksi Soalan Ujian/ Peperiksaan	i) Soalan-soalan peperiksaan sekolah ii) Soalan-soalan setara daerah/ negeri iii) Soalan-soalan peperiksaan awam
		2.8 Maklumat Guru	i) Jadual waktu persendirian

			ii) Maklumat asas, akademik dan ikhtisas guru
--	--	--	---

*Bil	Jenis Fail	Perkara	Kandungan Fail
3.	Pentaksiran Berasaskan Sekolah	3.1. Pekeliling PBS	i. Pekeliling ii. Surat Edaran
		3.2 Pentaksiran sekolah	i. PPPM ii. Pelaporan <i>Off Line</i> PPPM iii Evidens
		3.3 PPSR	i. Senarai nama calon ii. Instrumen pentaksiran iii. Instrumen penskoran iv. Pelaporan PPSR

***Catatan: Bilangan folder dan Jumlah Fail Panatia adalah bergantung kepada keputusan Ketua Panatia dan ahli.**

6.0 DSKP , HURAIAN SUKATAN PELAJARAN, RANCANGAN PELAJARAN TAHUNAN, PPPM (PBS) DAN RANCANGAN PELAJARAN HARIAN

6.1 Penyataan Ketetapan

- DSKP , HSP, RPT, PPPM (untuk PBS) dan RPH adalah dokumen rasmi kurikulum dan mestilah sentiasa dirujuk apabila merancang proses pembelajaran dan pengajaran.
- Guru mestilah dapat menghayati , mengenal pasti dan boleh menterjemahkan objektif mata pelajaran yang tercatat di dalam HSP kepada objektif pentaksiran dan juga proses pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas , dengan itu mahir tentang konstruk-konstruk peperiksaan awam bagi mata pelajaran yang diajar.
- Salinan keempat-empat/ kelima-lima dokumen akan disemak oleh Guru Besar.
- Penulisan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) hendaklah mengikut format yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Pelaksanaan Pentaksiran Sekolah (PS) untuk PBS hendaklah direkodkan di dalam RPH.
- Semua guru mestilah menyediakan Rancangan Pengajaran sebelum masuk ke kelas . Oleh itu Rekod Rancangan Mengajar mestilah lengkap dan kemas kini sebelum PdP mengikut SPK MS ISO 9001:2008 PK06.

6.2 Penyelarasan Format Penulisan E Rancangan Pelajaran Harian (ERPH)

Format Penulisan Rancangan Pelajaran Harian (ERPH) hendaklah selaras bagi semua warga sekolah dan disesuaikan mengikut mata pelajaran masing-masing.

7. SISTEM FAIL

7.1 Penyataan Ketetapan

- a. Fail Jawatankuasa Kurikulum diurus dan disimpan oleh Setiausaha Kurikulum.
- b. Semua fail panitia diletakkan di bilik yang sesuai dan mudah diakses di bawah seliaan Ketua Panitia Mata Pelajaran dan Setiausaha Kurikulum.

8. PAKEJ MATA PELAJARAN

8.1 Penyataan Ketetapan

Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Sejarah	Sains	Matematik	Reka Bentuk Teknologi
Bahasa Arab	Pendidikan Islam	Pendidikan Muzik	Pendidikan Seni Visual	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	

9 . PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Penyataan Ketetapan

- 9.1 Pembelajaran dan pengajaran Sains dan Matematik mesti dilaksanakan sepenuhnya menggunakan Bahasa Melayu menjelang Tahun 2021 (Dasar MBMMBI bagi menggantikan Dasar PPSMI) . Oleh itu dalam tempoh sepuluh tahun pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Melayu akan menjadi mantap semula . Walaubagaimanapun guru dibenarkan mengajar dalam Bahasa Inggeris sepenuhnya, dwibahasa atau bahasa Melayu sepenuhnya semasa di dalam tempoh peralihan ini .
- 9.2 Menyediakan kemudahan Pembelajaran dan pengajaran yang cukup dan berkualiti selaras dengan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) atau (ICT) menggunakan pelantar DELIMA.
- 9.3 Menekankan kemahiran mengaplikasi ICT bagi menghasilkan pelajar yang berkemahiran dalam ICT . Oleh itu penggunaan peralatan ICT menjadi keutamaan di dalam menyokong Pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah .
- 9.4 Pembelajaran berasaskan e-learning dengan menggunakan teknologi multimedia interaktif dan pembelajaran berasaskan laman sesawang (MOODLE-*modular object – oriented dynamic learning environment*) digalakkan dan akan diperluaskan (Google Classroom).

- 9.5 Pelbagai kaedah Pembelajaran dan pengajaran dilaksanakan untuk menarik minat dan seterusnya meningkatkan penguasaan murid dalam pembelajaran.
- 9.6 Memastikan penguasaan '*basic fact and information*' dalam setiap topik dikuasai oleh pelajar dengan menggunakan teknik-teknik mengingat yang kreatif (*i-Think*) supaya tidak membebankan dan membosankan pelajar untuk belajar sebelum beredar ke topik selanjutnya .
- 9.7 Meningkatkan penguasaan dan penekanan kepada kemahiran generik ,kemahiran berfikir kritis dan kreatif serta KBAT semasa proses Pembelajaran dan pengajaran (Amalan kepada Slogan Q - *Quality Teaching Quality Learning*)
- 9.8 Menggunakan pelbagai pendekatan, PAK21, strategi dan teknik (seperti pendekatan masteri, pendekatan penilaian sendiri menggunakan graf prestasi dan pembelajaran *contextual*) di dalam proses pembelajaran dan pengajaran bagi meningkatkan ketrampilan guru dan seterusnya ketrampilan murid dan pada masa yang sama meningkatkan prestasi pencapaian peperiksaan awam . Ini adalah kerana pengajaran yang berkualiti akan menghasilkan pembelajaran yang berkualiti .
- 9.9 Penggunaan kumpulan pembelajaran koperatif, '*cooperative learning structures*' dan '*workshops*' mestilah diperluaskan dalam kalangan guru dan murid dengan itu kerjasama antara murid dan guru dapat dipertingkat seterusnya tanggungjawab untuk belajar dapat dipindahkan kepada pelajar.
- 9.10 Guru mata pelajaran dan pentadbir perlu membuat penilaian impak bagi mengenal pasti proses keberkesanannya berdasarkan 12 elemen dalam standard4 (SKPM2).
- 9.11 Proses Pembelajaran dan pengajaran yang berkesan mestilah menggabungkan '*content skill , language skill, ICT skill & pedagogy skill*' . Oleh itu setiap orang guru mestilah berusaha meningkatkan keterampilan diri dengan meningkatkan kemahiran-kemahiran di atas secara berterusan
- 9.12 Guru mata pelajaran , ketua panitia mestilah sentiasa memantau prestasi pencapaian mata pelajaran setiap orang pelajar seperti yang telah ditetapkan oleh sekolah dan berusaha membuat tindakan susulan untuk mencapai sasaran tersebut . Oleh itu pengurusan '*Headcount* Mata pelajaran', *GROW* dan Graf Prestasi mestilah menjadi amalan dan kelaziman bagi setiap orang guru.
- 9.13 PdP di luar bilik darjah adalah digalakkan mengikut kesesuaian.
- 9.14 Proses PdP di dalam kelas juga mesti memantapkan budaya membaca, belajar cara belajar, penggunaan pelbagai sumber pendidikan dan penerapan budaya cintakan ilmu .
- 9.15 Guru digalakkan menggunakan teknik penyzoalan *KBAT*.
- 9.16 Ketua Panitia mestilah menetapkan Peraturan Penggunaan Bilik Khas selaras dengan program 3K supaya dapat digunakan secara optimum.
- 9.17 Murid boleh menilai PdP guru untuk membantu sekolah meningkatkan kualiti PdP sebagaimana yang disarankan oleh SPSK MS ISO 9001:2008 PK/13 (Pengurusan Maklum balas Pelanggan).

10. BUKU TEKS, BUKU KERJA , DAN BUKU LATIHAN

Penyataan Ketetapan

- 10.1 Buku teks mestilah sentiasa digunakan oleh guru dan pelajar bagi mendedahkan konsep-konsep dalam mata pelajaran. Maklumat dan pengetahuan asas di dalam topik-topik hendaklah ditegaskan kepada pelajar.
- 10.2 Buku Kerja dibenarkan penggunaannya dengan syarat TIDAK MENGGANTIKAN BUKU TEKS dan mematuhi SPI Bil 10 /1993 bertarikh 27 Disember 1993.(PEKELILING TAHUN 2000 UNTUK SEKOLAH RENDAH)
- 10.3 Buku Rekod Amali mestilah digunakan dalam PdP sains selaras dengan SPI Bil 7/1989 bertarikh 31 Mei 1989 .
- 10.4 Guru mestilah memberi latihan bertulis secukupnya di dalam kelas ataupun sebagai kerja rumah untuk tujuan pengukuhan PdP. Latihan murid hendaklah disemak dan memastikan murid membuat pembetulan.
- 10.5 Pelajar yang melaksanakan tugas dengan cemerlang dan mendapat pencapaian cemerlang dalam peperiksaan hendaklah dihargai dengan apa juga cara yang boleh dibincangkan di peringkat panitia .

11. LATIHAN MINIMUM

Penyataan Ketetapan

- 11.1 Latihan pelajar adalah penting bagi memastikan pengukuhan konsep dan proses pengkayaan dalam topik-topik yang diajar.
- 11.2 Jumlah latihan minimum mata pelajaran mengikut bidang hendaklah diputuskan dan diterima di dalam mesyuarat panitia berdasarkan keperluan di dalam sukatan pelajaran mata pelajaran masing-masing.
- 11.3 Latihan minimum ini mestilah menepati aras kesukaran rendah, sederhana, dan tinggi.

12. PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD)

Penyataan Ketetapan

- 12.1 Semua urusan pentaksiran yang dijalankan menepati prinsip kesamarataan ekuiti murid dalam pendidikan dan berdasarkan Tahap Penguasaan Murid.
- 12.2 Sistem Peperiksaan Kebangsaan hendaklah dilaksanakan berlandaskan pentaksiran berpusat serta penekanan kepada penilaian formatif dan sumatif.
- 12.3 Pentaksiran Bilik Darjah(PBD) ataupun peperiksaan dalaman dilaksanakan berdasarkan prosedur dan mekanisme yang telah ditetapkan .
- 12.4 Jawatankuasa '*Headcount* Sekolah' dipertanggungjawabkan untuk menguruskan semua data yang berkaitan dengan peperiksaan dengan mengkaji '*take off value*' dan meletakkan 'ETR' bagi peperiksaan awam.

- 12.5 Guru mata pelajaran bertanggungjawab memasukkan markah murid ke dalam Sistem IDME), Tapak PBD, Sistem *offline* PPPM dan Sistem *headcount* dalam tempoh masa yang ditetapkan yang disediakan oleh unit kurikulum.

13. JADUAL WAKTU MENGAJAR DAN JADUAL WAKTU GANTI

Penyataan Ketetapan

- 13.1 Jumlah waktu mengajar setiap mata pelajaran adalah mengikut ketetapan Akta Pendidikan 1996 serta pekeliling semasa.
- 13.2 Tambahan waktu setiap mata pelajaran dibolehkan mengikut keperluan sekolah dengan persetujuan mesyuarat kurikulum
- 13.3 Pengagihan mata pelajaran, keutamaan diberi kepada guru opsyen dan kepakaran guru (pemeriksa kertas peperiksaan awam, Penggubal soalan peperiksaan awam dan Guru Cemerlang)
- 13.4 Tiada lagi streaming kelas.
- 13.5 Jumlah waktu pengajaran hendaklah mematuhi SPI bil10/1995.
- 13.6 Jadual waktu mengajar yang tidak dipenuhi kerana guru bercuti sakit /bercuti rehat /menjalankan tugas rasmi di luar sekolah akan diisi dengan Jadual Waktu Ganti . Guru yang bercuti mestilah menyediakan Modul Kelas Ganti yang akan digunakan oleh murid semasa Jadual Waktu Ganti tersebut .
- 13.7 Tugas dalam Modul Kelas Ganti hendaklah disemak oleh guru mata pelajaran dan pencapaian dimaklumkan kepada pelajar untuk tindakan susulan.
- 13.8 Jadual waktu mengajar dan Jadual waktu ganti akan diurus dan disediakan oleh Jawatankuasa Jadual Waktu Sekolah .
- 13.9 Jadual Waktu penggunaan Bilik-Bilik khas mestilah disediakan oleh guru penyelaras bilik khas . Satu salinan jadual yang lengkap hendaklah diserahkan kepada pentadbir sekolah .
- 13.10 Pusat Sumber Sekolah hendaklah dimanfaatkan untuk menyokong proses PdP.
- 13.10 Yang berikut adalah jadual waktu pembelajaran bagi sesi pagi dan petang .
- 13.11 Jadual waktu di bulan puasa akan dipendekkan 5 minit bagi setiap masa pembelajaran (tertakluk kepada surat siaran KPM/JPN/PPD).

Waktu Persekolah SK Kuala Penor sesi 2025

SESI PAGI (ISNIN – JUMAAT)	
Waktu	Masa
1	7.40 – 8.10
2	8.10 – 8.40
3	8.40 – 9.10
4	9.10 – 9.40
5	9.40 – 10.00 (R1)
5	9.40 – 10.10
6	10.00 – 10.30
6	10.10 – 10.30 (R2)
7	10.30 – 11.00

8	11.00 – 11.30
9	11.30-12.00
10	12.00 -12.30
11	12.30 – 01.00
12	01.00 – 01.30

14. PROGRAM KECEMERLANGAN AKADEMIK

Penyataan Ketetapan

- 14.1 Semua program kecemerlangan akademik yang dirancang oleh JKKS hendaklah berdasarkan kepada 6 aspirasi murid yang terdapat dalam PPPM yang dibincangkan dalam Dialog Prestasi peringkat sekolah.
- 14.2 Program kecemerlangan akademik yang dirancang hendaklah relevan dengan isu dan permasalahan murid yang telah dikenal pasti (Menggunakan *Headcount*, *GROW*, *Speed-uP*)
- 14.3 Jawatankuasa atau pengurus program dikehendaki menyediakan kertas cadangan yang relevan dan membuat pelaporan pelaksanaan dan impak program kepada Jawatankuasa .
- 14.4 Penglibatan Unit HEM, Unit Kokurikulum dan Unit Bimbingan dan Kaunseling adalah wajib bagi penyelarasan program kecemerlangan akademik.

15 . PENYELIAAN DAN PEMANTAUAN

Penyataan Ketetapan

- 15.1 Setiap guru akan dicerap sekurang-kurangnya dua kali setahun menggunakan instrumen Standard 4 SKPM-SK@S kecuali guru yang perlu diberi pencerapan susulan.
- 15.2 Jawatankuasa Penyeliaan dan Pemantauan hendaklah menyediakan jadual pencerapan melibatkan barisan pentadbir, ketua panitia, GC dan rakan sejawat.
- 15.3 Pencerapan hendaklah dilakukan secara profesional dan memberi bimbingan secara individu untuk penambahbaikan.
- 15.4 Pengurusan panitia dan program/dokumen berkaitan perlu dipantau oleh pentadbir dari semasa ke semasa.

1

7. Soalan yang dibuat mestilah berdasarkan jadual spesifikasi ujian.
*Tertakluk kepada pindaan semasa.
8. Mengisi JSU sebelum menyediakan soalan dan menghantar JSU berserta skema jawapan kepada Ketua Panitia/guru mata pelajaran bersama-sama kertas soalan untuk disemak.
9. Menyediakan *skema pemarkahan yang lengkap* untuk guru-guru yang lain dan menyerahkan kepada guru pemeriksa sebaik sahaja peperiksaan tamat.
10. Mengisi *Borang Pesanan Cetakan* dan serahkan borang cetakan berserta soalan kepada PK Pentadbiran untuk semakan dan cetakan.
11. uruskan kertas soalan dengan teliti untuk memastikan kertas soalan yang dibungkus adalah betul dan bilangan soalan mencukupi.
12. Mengisi **Lampiran Peperiksaan** seperti di bawah dan menyerahkan bungkusan soalan kepada Setiausaha Peperiksaan untuk disimpan sehingga hari peperiksaan mengikut tarikh yang telah ditetapkan.
13. Menyerahkan 2 salinan soalan beserta jawapan kepada Setiausaha Peperiksaan untuk Bank Soalan, dan 1 salinan kepada Ketua Panitia.
14. Guru Penyedia soalan perlu meronda kelas selepas 10 minit peperiksaan berjalan untuk memastikan kertas soalan mencukupi.

18. GURU PENGAWAS PEPERIKSAAN

1. Guru pengawas hendaklah berada di kelas mengikut jadual waktu PdP masing-masing, bukan mengikut waktu peperiksaan dimulakan. Guru pengawas hendaklah berada di kelas walaupun waktu peperiksaan masih lambat untuk dimulakan. Mulakan peperiksaan tepat pada waktunya dan memastikan kelas bersih sebelum peperiksaan dimulakan.
2. Bacakan Peraturan Peperiksaan pada hari pertama peperiksaan dimulakan dan ingatkan murid supaya menggunakan pensel 2B untuk menanda jawapan objektif.
3. Kutip semua kertas soalan sekiranya terdapat murid yang tidak hadir kerana mewakili sekolah dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum, koakademik dan sebagainya.
4. Memastikan murid-murid tidak membawa bekas pensel, beg, buku atau nota ke dalam bilik peperiksaan semasa peperiksaan dijalankan.
5. Guru-guru yang tidak dapat hadir ke sekolah semasa tempoh peperiksaan, sila maklumkan kepada Penolong Kanan atau Penolong Kanan Petang atau guru yang membuat relief secepat mungkin.
6. Guru-guru tidak dibenarkan membaca, menggunakan telefon bimbit atau membuat kerja-kerja bertulis semasa mengawasi peperiksaan bagi memastikan peperiksaan berjalan lancar dan tiada penyelewengan.
7. Melaporkan sebarang masalah disiplin atau kes peniruan kepada Setiausaha Peperiksaan dan guru mata pelajaran terlibat.
8. Mengisikan bilangan calon yang hadir dan nama calon yang tidak hadir pada Lampiran Peperiksaan.
9. Jangan kutip kertas soalan sebelum tamat waktunya kerana ini akan menyebabkan kelas menjadi bising dan mengganggu murid-murid yang lain.

10. Serahkan sendiri kertas jawapan kepada Setiausaha Peperiksaan yang bertugas di Bilik Peperiksaan. Tidak dibenarkan menyuruh murid menyerahkan kertas jawapan kepada guru pemeriksa atau ke Bilik Peperiksaan.

19. GURU MATA PELAJARAN

1. Sila semak kertas jawapan murid dalam tempoh yang ditetapkan.
2. Mengisi IDME mengikut tarikh yang telah ditetapkan.
3. Membuat perubahan markah dalam IDME jika ada secepat mungkin.

20. GURU KELAS

1. Menyusun meja murid sehari sebelum peperiksaan bermula .
2. Memantau guru mata pelajaran dalam mengisi markah.
3. Mengisi ruangan kehadiran dan ulasan guru.
4. Mencetak 1 salinan Lembaran Markah dan meminta semua murid menyemak markah.
5. Mencetak Slip Pelaporan Murid (PBD dan Peperiksaan) dan memasukkannya ke dalam Fail Prestasi. Slip Keputusan Murid untuk semua kelas perlu dibuat 1 salinan dan disimpan dalam Fail Peribadi Murid.
6. Slip Pelaporan Murid (PBD dan Peperiksaan) yang sudah siap hendaklah dihantar ke pejabat mengikut tarikh yang ditetapkan untuk ditandatangani oleh Guru Besar.
7. DIWAJIBKAN menyerahkan Slip Pelaporan Murid kepada ibubapa/penjaga semasa hari pelaporan mengikut tarikh yang ditetapkan.
8. Laporkan kepada Setiausaha Peperiksaan sekiranya terdapat guru mata pelajaran yang masih belum mengisi markah selepas tarikh tutup yang ditetapkan.

21. MURID

1. Semua murid wajib hadir dalam setiap peperiksaan yang dijalankan. Murid yang tidak hadir sewaktu peperiksaan dijalankan tidak dibenarkan menduduki peperiksaan bagi kertas yang berkenaan kecuali ketidakhadiran kerana menghadiri aktiviti sekolah.
2. Murid yang didapati melakukan penyelewengan sewaktu peperiksaan akan Menyebabkan markah kosong (0) diberi bagi kertas yang diseleweng. Tindakan disiplin akan dikenakan kepada murid yang terlibat mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
3. Murid yang tidak hadir bagi mana-mana kertas tanpa sebab dianggap tidak hadir untuk matapelajaran tersebut.
4. Sebarang perubahan tentang perkara (3) tertakluk kepada keputusan yang dirangka semasa Mesyuarat Pengurusan Sekolah
5. Murid hendaklah melaksanakan segala bentuk aktiviti, penilaian dan apa jua pentaksiran (PBD) bagi menentukan Tahap Penguasaan yang sesuai dengannya.

TAMAT